

Praktis 21 Pengimbuhan Kata Adjektif

(a) Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang diberikan dengan menambahkan imbuhan kata nama.

masak	rumah	bahasa	raja	acu
sakit	nyanyi	ajar	daulat	karang

- 1 Puan Salbiah bekerja sebagai _____ di Restoran Cili Padi.
- 2 _____ yang bersuara emas itu berasal dari negeri Pahang.
- 3 _____ itu sudah dibenarkan keluar dari wad hospital pagi tadi.
- 4 Encik Malik bekerja sebagai _____ di Mahkamah Sesyen Machang.
- 5 Fatimah membeli _____ tat nanas secara dalam talian kerana lebih mudah.
- 6 Encik Lim merupakan seorang _____ buku cerita kanak-kanak yang terkenal.
- 7 Sebagai rakyat Malaysia, kita mesti menjunjung _____ undang-undang negara.
- 8 Para penduduk di kawasan _____ itu sedang melakukan aktiviti gotong-royong.
- 9 Pihak sekolah akan mengatasi masalah kekurangan tenaga _____ di sekolah itu secepat mungkin.
- 10 Para petani berasa lega apabila _____ memberikan tumpuan dalam sektor tersebut untuk menjana ekonomi negara.

(b) Gariskan jawapan yang paling sesuai dalam ayat di bawah.

- 1 Datuk Yusof Haslam merupakan (penyuruh, pengarah) filem yang disegani ramai.
- 2 Sebagai (ketua, kekasih), kita hendaklah mementingkan kebajikan anak-anak buah.
- 3 Jari (penunjuk, telunjuk) ibu berdarah kerana tercucuk jarum semasa menjahit baju.
- 4 Buah (dapatan, fikiran) beliau amat bernas dan dapat menguntungkan semua pihak.
- 5 Datuk Borhan telah dilantik sebagai (pengurusan, pengerusi) syarikat bertaraf antarabangsa itu.
- 6 Kriteria untuk menjadi seorang (jurujual, jurukira) mestilah pandai mengambil hati pelanggan.
- 7 Encik Fauzi berusaha untuk memiliki sebuah (kediaman, kedudukan) yang selesa untuk ahli keluarganya.
- 8 Tinggal di ibu kota bukanlah semudah yang disangkakan kerana banyak (tamparan, dugaan) yang terpaksa dihadapi.
- 9 (Kritikan, Luahan) yang dilemparkan tidak mematahkan semangatnya untuk terus bergiat dalam bidang lakonan.
- 10 Sejak peristiwa itu, Aisyah dapat merasakan (kedinginan, kelemahan) hubungannya dengan Fauziah walaupun mereka pernah akrab sebelum ini.